

BAB 1

PENGENALAN

1.0. Pendahuluan

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum, agama dan etnik. Tiga kumpulan etnik yang terbesar adalah terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Masyarakat India adalah ketiga terbesar selepas kaum Melayu dan kaum Cina di Malaysia. Jadual 1.1 menunjukkan secara terperinci jumlah penduduk Malaysia sejak dari 1940 iaitu semasa berakhirnya Perang Dunia Pertama, diikuti dengan tahun 1957 negara mencapai kemerdekaan, 1970 dan tahun 1992. Daripada jadual ini juga kita dapat melihat bahawa kaum India telah mengekalkan posisi mereka di tempat ketiga sejak dari tahun 1940 hingga kini.

Jadual 1.1
Malaysia: Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, ('000)

	1940 Semenanjung Malaysia (%)	1957 Semenanjung Malaysia (%)	1970 Semenanjung Malaysia (%)	1992 Malaysia (%)
Melayu dan lain-lain Bumiputera	2,173.0 (46.3)	3,187.4 (50.7)	4,748.9 (50.7)	11,602.4 (62.4)
Cina	1,756.0 (37.4)	2,369.9 (37.7)	3,386.8 (36.2)	5,418.9 (29.1)
India	687.3 (14.6)	718.1 (11.4)	1,027.8 (11.0)	1,487.5 (8.0)
Lain-lain	76.7 (1.6)	12.2 (0.2)	196.2 (2.1)	97.4 (0.5)
Jumlah	4,693.0 (100)	6,287.6 (100)	9,359.7 (100)	18,606.2 (100)

Sumber: Malaysia, Pelbagai Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Masyarakat India juga terbahagi kepada beberapa komuniti kecil seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1.2. Daripada jadual tersebut adalah didapati bahawa

masyarakat Tamil adalah golongan yang terbesar. Ini diikuti dengan komuniti Malayali, Telegu, Ceylon, Pakistan dan lain-lain komuniti India dan Ceylon.

Jadual 1.2

Semenanjung Malaysia: Taburan Penduduk India Berasaskan Komuniti
1957, 1970 and 1980

Komuniti	1957 Bilangan (%)	1970 Bilangan (%)	Perubahan Bilangan (%)	1980 Bilangan (%)	Perubahan Bilangan (%)
Tamil	556,453 (75.7)	746,558 (80.0)	190,105 (4.3)	925,448 (85.1)	178,890 (5.1)
Malayali	51,188 (7.0)	44,199 (4.7)	-6,989 (-2.3)	34,864 (3.2)	-9,335 (-1.5)
Telegu	27,089 (3.7)	31,332 (3.4)	4,243 (-0.3)	26,113 (2.4)	-5,219 (-1.0)
Ceylon	24,616 (3.3)	25,288 (2.7)	672 (-0.6)	17,421 (1.6)	-7,867 (-1.1)
Pakistan	10,922 (1.5)	10,185 (1.1)	-737 (-0.4)	9,898 (0.9)	-287 (-0.2)
Lain-Lain India	61,456 (8.4)	72,138 (7.7)	10,682 (-0.7)	70,737 (6.5)	-1,401 (-1.2)
Lain-Lain Ceylon	3,314 (0.4)	3,550 (0.4)	236 (0.0)	3,080 (0.3)	-470 (-0.1)

Sumber:

1. Population Census of Peninsular Malaysia 1957, Report No. 14, Department of Statistics, Kuala Lumpur, 1960.
2. General Report of the Population Census 1970, Department of Statistics, Kuala Lumpur.
3. General Report of the Population Census 1980, Vol. 2, Department of Statistics, Kuala Lumpur.

Sejarah kedatangan beramai-ramai kaum India ke Malaysia telah bermula dengan kedatangan penjajah British ke Tanah Melayu. Pada mulanya, mereka mula datang sejak dari penubuhan Negeri-Negeri Selat sebagai peniaga kain dan peminjam wang. Pada akhir abad ke 19 dan pada awal tahun-tahun abad ke 20 dengan wujudnya Revolusi Industri dan penemuan getah, negara India didapati oleh pihak British sebagai sumber untuk mendapatkan buruh-buruh untuk bekerja di ladang-ladang getah milik pihak British di Tanah Melayu. Ini adalah kerana pihak British mendapati sukar untuk mengawal buruh-buruh Cina dan kaum Melayu tidak berminat untuk bekerja di ladang-ladang getah. Walaupun pada mulanya, tujuan kedatangan mereka adalah untuk bekerja dan pulang ke tanah air, tetapi kebanyakan daripada mereka telah terus menetap di sini selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Mereka telah mendapat taraf kerakyataan Malaysia dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan.

Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan oleh kerajaan selepas peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969. Peristiwa berdarah ini telah membuktikan kepada pemimpin-pemimpin negara rasa tidak puas hati rakyat dari berbagai etnik terhadap dasar-dasar pembangunan yang dilaksanakan selepas kemerdekaan. Masyarakat pelbagai kaum merasakan bahawa dasar pembangunan tersebut tidak menguntungkan mereka. Sistem ekonomi bebas pihak penjajah British yang terus dilaksanakan ketika itu hanya menguntungkan satu golongan kecil rakyat yang sudah berada dan kuat kedudukan ekonomi mereka manakala segolongan besar rakyat yang tidak berada tidak menerima sebarang perubahan. Sistem ekonomi bebas ini juga telah mewujudkan jurang yang bertambah luas di antara golongan yang berada dengan golongan yang tidak berada. Akhirnya, timbul rasa tidak puas hati rakyat terhadap dasar pembangunan ini. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila perasaan tidak puas hati dikaitkan dengan faktor etnik.

Berikut dengan itu, kerajaan mula sedar tentang betapa pentingnya mengadakan satu dasar pembangunan yang baru bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan pada masa yang sama berusaha menyatukan rakyat negara ini. Ini menyebabkan kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini tanpa mengira kaum. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilaksanakan pada tahun 1970 bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah digubal dengan tujuan akhirnya untuk mencapai perpaduan kaum. DEB telah menetapkan pencapaian perpaduan nasional sebagai matlamat utamanya. Integrasi sosial melalui pengagihan pendapatan yang lebih adil telah ditekankan dalam DEB kerana pembahagian sumber-sumber kekayaan negara adalah tidak seimbang di antara kaum etnik di Malaysia pada ketika itu. Secara umumnya, DEB adalah bertujuan untuk melaksanakan dua matlamat:

- i) *mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.*
- ii) *untuk mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.*¹

Rancangan ini tidak bertujuan merampas apa sahaja yang sudah dimiliki oleh mana-mana golongan atau kaum tertentu, rancangan ini menjangkakan suatu ekonomi yang akan berkembang pesat. Golongan-golongan yang tertindas akan memperolehi bahagian yang adil daripada pertambahan barang dan perkhidmatan yang akan dibawa oleh pembangunan ekonomi. Walaupun DEB pada asasnya bersifat ekonomi, ia juga adalah satu langkah untuk mencari identiti nasional.

¹ Malaysia, *Rancangan Malaysia Kedua, 1971-75*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1971, ms. 3.

Usaha-usaha penyusunan semula masyarakat, selain daripada mewujudkan keadilan di kalangan rakyat, dikatakan bertujuan untuk mengikis dan menghapuskan pengenalan etnik dengan kegiatan-kegiatan ekonomi dan kawasan tempat tinggal akibat dari dasar pecah dan perintah pemerintah British di mana masyarakat Cina dalam sektor perniagaan dan perlombongan yang sangat produktif dan kaum Melayu dalam sektor pertanian yang kurang produktif.

1.1. Kenyataan Permasalahan

Setelah 20 tahun perlaksanaan DEB adalah didapati bahawa masyarakat India masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di negara ini secara relatif kepada pertumbuhan penduduk dan ekonomi negara. Ini dapat dilihat melalui pemilikan ekuiti mereka yang masih kekal pada paras satu peratus selepas pelaksanaan DEB iaitu angka yang sama sebelum DEB dilancarkan. Menurut Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara, "...*pemilikan ekuiti kaum India tidak bertambah sejak tahun 1970 dan kekal didalam lingkungan 1% sahaja daripada jumlah saham di sektor korporat, langkah khusus perlu diambil untuk memperbaiki keadaan ini.*"² Kenyataan ini menunjukkan kerajaan sedar dan mengakui akan kedudukan kaum India yang masih belum mencapai kemajuan dari segi sosio-ekonomi terutamanya dari segi pemilikan ekuiti yang tidak ada sebarang perubahan selepas tempoh perlaksanaan DEB.

Pada tahun 1969, kebanyakan pemilikan saham modal adalah dimiliki oleh penduduk asing di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah RM4,678 juta saham modal, 62.1% adalah kepentingan asing, berbanding dengan 22.8% oleh orang Cina, 1.5 % oleh orang Melayu dan 0.9 % oleh orang India seperti yang ditunjukkan melalui

² Malaysia, *Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara: Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara*, Jabatan percetakan Negara, 1991, Kuala Lumpur, ms. 238.

Jadual 1.3. Kebanyakan modal kepentingan asing adalah dalam pertanian estet, perlombongan, pembuatan, perniagaan gudang, bank dan kewangan.³

Jadual 1.3.

Semenanjung Malaysia: Hakmilik Modal Saham Syarikat-Syarikat Berhad, 1969

<i>Syarikat ditubuhkan di Semenanjung Malaysia Pemastautin Semenanjung Malaysia</i>	(RM'000)	(%)
Melayu	49,294	1.0
Kepentingan Melayu	21,339	0.5
Cina	1,064,795	22.8
India	40,983	0.9
Kerajaan Persekutuan dan Negeri	21,430	0.5
Syarikat calon	98,885	2.1
Lain-lain individu dan syarikat kawalan tempatan	470,969	10.1
Syarikat kawalan Asing	282,311	6.0*
<i>Pemastautin Asing</i>	2,627,534	62.1
Jumlah	4,677,540	100.0

Sumber: *Second Malaysia Plan, 1971-1975*, Jabatan Percetakan Negara, 1971. ms. 40.

Nota: * Menunjukkan pemilikan asing berjumlah 62.1%

Rajah 1.4 menunjukkan pada tahun 1988, pemilikan modal bumiputera perseorangan dan kepentingan bumiputera dalam agensi-agensi amanah telah meningkat kepada 19.4 peratus. Pemilikan masyarakat Cina juga telah meningkat kepada 32.6 peratus manakala pemilikan masyarakat India hanya meningkat sedikit sahaja iaitu kepada 1.2 peratus dan pada tahun 1990 pemilikan masyarakat India kembali kepada paras 1.0 peratus.⁴

³ Malaysia, *Second Malaysia Plan, 1971-1975*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1971. ms. 41.

⁴ Malaysia, *Sixth Malaysia Plan, 1991-1995*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, ms. 14.

Jadual 1.4.

Semenanjung Malaysia: Hakmilik Modal Saham Syarikat-Syarikat Berhad, 1988

Semua Industri	(RM'000)	(%)
Syarikat ditubuhkan di Malaysia	73,889.2	75.4
Pemastautin Malaysia		
Bumiputera Perseorangan	12,751.6	13.0
Agensi amanah bumiputera	6,306.0	6.4
Cina	31,925.1	32.6
India	1,153.0	1.2
Syarikat calon	7,943.6	8.1
Lain-lain	1,022.6	1.0
Syarikat kawalan tempatan	12,787.3	13.1
Pemastautin Asing	24,081.8	24.6
Jumlah	97,971.0	100.0

Sumber: Malaysia: *Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, ms. 56.

Kerajaan semasa DEB, telah menyusun strategi-strategi dan program-program untuk menyusun semula sektor koperat negara. Oleh kerana DEB adalah untuk menyusun semula masyarakat, kumpulan etnik yang ketinggalan sebelum perlaksanaan DEB akan memperolehi peluang untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Kumpulan etnik yang ketinggalan dari segi sosio-ekonomi adalah masyarakat Melayu dan India. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada program-program kerajaan lebih memberi keutamaan terhadap kaum Bumiputera.

Kedudukan kaum Cina tidak tergugat kerana keadaan sosio-ekonomi mereka yang jauh lebih baik dari kaum Melayu dan India. Tetapi kaum India yang mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang rendah telah tidak berpeluang meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi mereka. Ini menyebabkan mereka telah ketinggalan selepas tamatnya DEB.

Kegagalan masyarakat India Malaysia meningkatkan pemilikan ekuiti bermakna pembahagian kekayaan negara kepada kaum India telah tidak terjadi. Salah satu objektif utama DEB adalah untuk pembahagian semula kekayaan negara dengan sama rata tanpa mengira kaum. Ini bermakna DEB telah tidak berjaya sepenuhnya

untuk membahagikan kekayaan negara terutamanya kepada masyarakat India jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan Bumiputera.

Kajian akan dibuat untuk melihat mengapa kaum India ketinggalan dari segi sosio-ekonomi selepas perlaksanaan DEB dengan diberi penekanan terhadap pemilikan ekuiti mereka. Punca pemilikan ekuiti masih lagi kekal pada paras 1 peratus dalam sektor koperat selepas 20 tahun perlaksanaan DEB. Kajian juga akan dibuat untuk melihat lain-lain kesan yang saling berkaitan di antara satu sama lain yang menyebabkan masalah ini hasil daripada perlaksanaan DEB.

Adalah didapati bahawa tidak banyak kajian dijalankan untuk kedudukan ekonomi, sosial dan politik kaum India terutamanya selepas tamatnya Dasar Ekonomi Baru. Satu kajian untuk menganalisa kedudukan kaum India selepas tamatnya DEB adalah perlu bagi melihat pencapaian mereka dari segi ekonomi dan sosial.

Kajian ini juga adalah bertujuan untuk memenuhi kekosongan penyelidikan terhadap kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India hasil daripada perlaksanaan DEB dengan memberikan tumpuan utama terhadap pemilikan ekuiti mereka. Golongan ini menjadi tumpuan kerana penyelidik merasakan mereka sebagai kumpulan etnik ketiga terbesar di Malaysia tetapi pencapaian mereka adalah tidak memuaskan dari segi ekonomi.

Data-data dan kajian-kajian terhadap kaum Melayu dan Cina telah banyak dilakukan untuk menganalisa pencapaian sosio-ekonomi mereka selepas tamatnya DEB. Manakala, kajian khusus terhadap kaum India tidak banyak diberi keutamaan atau dijalankan, maka adalah diharapkan kajian ini akan menjadi rujukan yang berguna.

Kajian ini berharap untuk mendapatkan kedudukan sebenar masyarakat India selepas berakhirnya tempoh perlaksanaan DEB dan kesan DEB terhadap kaum India. Kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India dapat dilihat dengan mengkaji struktur pemilikan dan penyertaan kaum India dalam sektor koperat.

1.2. Bidang Kajian

Bidang kajian penyelidikan ini adalah untuk melihat kedudukan ekonomi kaum India Malaysia. Tumpuan utama akan diberikan terhadap kaum India di Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana majoriti kaum India adalah tertumpu di Semenanjung Malaysia jika dibandingkan dengan Sabah dan Sarawak. Soalan penyelidikan yang hendak dilihat adalah seperti berikut:

- i) Mobiliti sektor - Adakah kaum India telah berpindah dari sektor yang tidak produktif ke sektor yang lebih produktif? Adakah terdapat mobiliti buruh dari luar bandar ke bandar? Adakah bilangan pekerjaan dari sektor luar bandar yang tidak produktif telah bergerak ke sektor perindustrian dan perdagangan di bandar telah bertambah?
- ii) Pendapatan - Adakah tingkat pendapatan mereka telah meningkat selepas tamatnya DEB?
- iii) Pendidikan - Berapa banyak kaum India dapat melanjutkan pendidikan tinggi mereka? Adakah keadaan sekolah-sekolah Tamil di estet telah diperbaiki? Adakah kadar keciciran di kalangan kaum India tinggi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain?
- iv) Pemilikan ekuiti - Mengapakah pemilikan sektor koperat kaum India masih kekal pada paras 1 peratus?

- v) Bagaimana pendidikan, kemiskinan, pekerjaan dan upah mempengaruhi pemilikan ekuiti?

1.3. Metodologi Kajian

Kajian ini bergantung sepenuhnya terhadap data-data resmi. Rujukan-rujukan termasuklah buku-buku, jurnal, majalah, thesis, penerbitan resmi kerajaan dan surat-surat khabar tempatan. Di antara sumber perpustakaan yang telah digunakan adalah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Perpustakaan ISIS, Perpustakaan MIER, Perpustakaan Kementerian Sumber Manusia, Perpustakaan MIDA. Selain daripada itu, temuduga-temuduga juga telah dijalankan dengan organisasi-organisasi seperti National Land and Finance Co-Operative Society Limited, MAIKA Holdings Bhd, Kuala Lumpur and Selangor Indian Chamber of Commerce and Industry. Temuduga juga telah dijalankan terhadap tokoh-tokoh koperat dan ahli-ahli akademik terpilih.

Penyelidikan akan dibuat untuk melihat mengapa pemilikan ekuiti kaum India masih kekal pada paras 1 peratus. Penyelidikan adalah berdasarkan kepada model kajian seperti yang dapat di lihat dalam Rajah 1.1. Penyelidikan akan bermula dengan melihat dahulu pada latar belakang sosio-ekonomi kaum India semasa mereka mula tiba ke negara ini semasa zaman pemerintahan British.

Kedatangan masyarakat India ke negara ini bermula dengan perkembangan sektor industri getah di Tanah Melayu. Penyelidikan akan dilakukan dengan melihat dahulu latarbelakang kedatangan kaum India di mana majoriti daripada mereka bekerja sebagai buruh di ladang-ladang getah milik penjajah British. Selepas itu kajian

akan dibuat untuk melihat latarbelakang sosial, ekonomi dan politik masyarakat India Malaysia.


Selepas muncul kekacauan kaum yang lebih dikenali sebagai 13 Mei, kerajaan mula memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua bagi tempoh 20 tahun untuk mengatasi masalah kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pada masa ini, pemilikan ekuiti kaum India dalam sektor koperat adalah pada tahun 1 peratus. Selepas perlaksanaan DEB adalah didapati bahawa pemilikan ekuiti kaum India masih kekal pada paras 1 peratus.

Model ini seterusnya menunjukkan bagaimana pemilikan ekuiti kaum India dipengaruhi oleh ekonomi, sosial dan politik. Ketiga-tiga faktor ini akan dikaji dengan mendalam. Kajian akan menunjukkan bagaimana kedudukan ekonomi, sosial dan politik telah menyebabkan pemilikan ekuiti kaum India di sektor-sektor koperat kekal pada paras 1 peratus.

1.4. Hipotesis

Hipotesis utama penyelidikan ini adalah untuk membuktikan bahawa kaum India Malaysia ketinggalan dari segi sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan kaum Melayu dan Cina selepas perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Lain-lain hipotesis yang turut dikaji adalah seperti berikut:

- a. Pendapatan kaum India adalah masih lagi rendah jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.
- b. Penyertaan equiti masih lagi tidak meningkat jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain selepas tamatnya DEB.



Rajah 1.1

Model Penyelidikan

- c. Kadar pengangguran di kalangan kaum India adalah tinggi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.
- d. Terdapat mobiliti buruh dari estet ke kawasan bandar selepas DEB jika dibandingkan sebelum DEB.

1.5. Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama yang diharapkan dapat dihasilkan dari penyelidikan ini.

1.5.0. Mencari Fakta

Penyelidikan ini mengharapkan dapat mengumpul segala data-data dan fakta-fakta berhubung dengan kaum India Malaysia dengan memberikan tumpuan khas terhadap kedudukan ekonomi mereka. Pada masa kini, adalah didapati tidak banyak kajian yang dijalankan untuk melihat kedudukan ekonomi kaum India Malaysia. Kajian-kajian untuk melihat mengapa kaum India masih lagi ketinggalan selepas perlaksanaan DEB adalah sangat terhad. Adalah diharapkan bahawa kajian ini boleh menjadi satu rujukan yang berguna kepada penyelidik-penyeledik lain yang ingin membuat penyelidikan terhadap kaum India Malaysia di masa depan.

1.5.1. Memberikan cadangan

Hasil daripada keputusan yang didapati, beberapa cadangan yang berguna adalah diharapkan dapat dihasilkan untuk mengatasi masalah kaum India. Pihak-pihak yang bertanggungjawab boleh menggunakan penemuan ini bagi mencari strategi-strategi dan program-program yang berkenaan untuk mempertingkatkan kedudukan ekonomi kaum India terutama apabila negara sedang menuju kearah Wawasan 2020.

1.5.2. Sumbangan Terhadap Perpaduan Negara

Objektif terakhir DEB adalah untuk mencapai perpaduan negara. Adalah diharapkan kajian ini dapat menunjukkan kedudukan sosio-ekonomi kaum India Malaysia dan sebagai kaum ketiga terbesar di Malaysia selepas kaum Melayu dan Cina.

1.6. Ulasan Kajian Lepas

Adalah didapati tidak banyak kajian yang mendalam dijalankan berkenaan dengan kaum India di Malaysia sama ada dari segi ekonomi, sosial dan politik. Buku oleh Arasaratnam (1974) bertajuk "Indian in Malaysia and Singapore" lebih menumpukan kepada evolusi masyarakat India sebelum perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kajian terbaru yang berkaitan dengan penyelidikan yang akan dilakukan adalah dari Gomez (1994) dalam bukunya "Political Business: Corporate Involvement of Malaysian Political Parties" dan "Sucked Oranges: The Indian Poor In Malaysia" yang diterbitkan oleh Insan.

Arasaratnam dalam kajiannya lebih menumpukan kepada evolusi kedatangan kaum India ke Malaysia sejak dari zaman penjajah British sehingga akhir tahun 1960an. Buku ini ditulis kerana beliau mendapati tidak banyak penulisan yang telah dibuat terhadap kaum India di Singapura atau Malaysia jika dibandingkan dengan penulisan-penulisan terhadap kaum Melayu atau Cina. Buku ini menerangkan kegiatan ekonomi, politik dan sosial kaum India di Malaysia dan Singapura.

Dari aspek ekonomi, yang berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan, beliau mendapati masyarakat India begitu sukar untuk keluar dari sektor perladangan kerana sistem ekonomi yang wujud sebelum tahun 1969. Apabila kerajaan mula

campurtangan dalam ekonomi melalui DEB, keutamaan diberikan kepada masyarakat Melayu dan masyarakat India terus mengikuti trend yang sedia ada.


Beliau memberikan beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat India tidak dapat mempelbagaikan corak pekerjaan mereka. Di antaranya adalah kedudukan ladang-ladang yang jauh dari aliran pembangunan, sistem pendidikan di estet dan sistem ekonomi berasaskan etnik. Ini seterusnya menyebabkan mereka terus ketinggalan.

Buku oleh Insan bertajuk "Sucked Oranges: The Indian Poor In Malaysia" menfokuskan kepada kemiskinan kaum India di Malaysia. Ia menganalisa masalah sosial ekonomi dan sosial budaya kaum India yang membawa kepada kemiskinan. Buku tersebut juga telah memberikan beberapa cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah kaum India yang telah ketinggalan. Dari aspek sosial ekonomi, buku tersebut melihat kedudukan pekerjaan masyarakat India. Peratus masyarakat India bekerja di sektor pertanian telah menurun daripada 50 % dalam tahun 1957 kepada 32 % dalam tahun 1985. Terdapat peningkatan dalam sektor industri pengeluaran daripada 25 % dalam tahun 1957 kepada 36 % dalam tahun 1985.

Menurut buku itu lagi pendapatan yang diperolehi oleh kebanyakan pekerja ladang adalah kurang jika dibandingkan dengan pendapatan yang diperolehi 15 tahun lepas walaupun terdapat peningkatan dalam tingkat pendapatan. Ini adalah kerana inflasi telah menyebabkan kuasa beli menjadi kurang.

Seterusnya apabila pendapatan kurang simpanan masyarakat India menjadi rendah. Simpanan yang rendah tidak membolehkan mereka melabur. Satu-satunya simpanan hari tua mereka adalah dari Kumpulan Simpanan Wang Pekerja.

Dari aspek masalah sosial, buku tersebut telah mengemukakan satu rajah yang menunjukkan kebudayaan kemiskinan masyarakat India (sila lihat Rajah 1.2). Rajah tersebut menunjukkan bagaimana faktor-faktor seperti pencapaian pendidikan yang rendah, belanjawan yang kurang baik, tiada keyakinan diri, kerjasama antara masyarakat kurang, minum arak, pengangguran dan kurang tanggungjawab kekeluargaan membawa kepada masyarakat terdesak dan ketinggalan.



Rajah 1.2
Kebudayaan Kemiskinan Kaum India

Buku tersebut juga memberikan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah masyarakat India. Di antaranya adalah melalui pelaburan dalam sektor koperat, mobiliti sosial melalui pendidikan, meningkatkan kuota dan melibatkan diri dalam perniagaan berskil kecil.

Gomez (1994) dalam bukunya menunjukkan bagaimana penglibatan parti-parti politik dalam perniagaan. Beliau memberikan penumpuan terhadap parti-parti politik UMNO, MCA dan MIC. Kajian yang dilakukan adalah untuk melihat sebab-sebab dan kesan-kesan penglibatan parti-parti komponen Barisan Nasional dalam

perniagaan. MIC adalah parti politik utama yang mewakili masyarakat India Malaysia. Penglibatan MIC dalam perniagaan telah bermula sejak dari kepimpinan Sambanthan bila NLFCS ditubuhkan. Apabila Manickavasagam mengambil alih pucuk kepimpinan MIC, banyak koperasi-koperasi telah ditubuhkan dan diketuai oleh pelbagai pemimpin parti.

Pada tahun 1974, MIC telah menganjurkan persidangan ekonomi untuk membincang dan menganalisa masalah ekonomi masyarakat India. Hasil daripada persidangan itu adalah "Blueprint For Economic Advancement". Blueprint ini telah menjadi asas kepada penglibatan sepenuhnya MIC dalam perniagaan. Penglibatan dalam perniagaan ini menjadi semakin ketara apabila Samy Vellu menjadi Presiden MIC.

Penglibatan MIC dalam perniagaan tidak berjaya membantu masyarakat India meningkatkan pemilikan ekuiti mereka dalam sektor koperat jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu dan Cina. Ini dapat dilihat melalui pemilikan ekuiti mereka masih kekal pada tahap 1 peratus dalam tahun 1990 iaitu sama seperti di tahun 1970. DEB yang diperkenalkan oleh kerajaan tidak memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat India.

Sambanthan dan Samy Vellu telah membuktikan kejayaan mengumpul sumber modal daripada masyarakat India untuk pelaburan-pelaburan yang besar tetapi selagi perniagaan-perniagaan itu di bawah parti politik, kepentingan pemimpin politik dan parti politik akan lebih diutamakan daripada kepentingan orang ramai.

Buku Gomez berguna untuk kajian ini untuk melihat penglibatan masyarakat India dalam sektor koperat. Kepentingan ini adalah untuk melihat kepada pemilikan ekuiti yang kekal pada paras 1 peratus seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1.1.

1.7. Had-Had Penyelidikan

Di dalam penyediaan laporan penyelidikan ini, penyelidik mendapat kesukaran untuk mendapatkan data-data daripada laporan-laporan resmi kerajaan kerana kebanyakan daripada data-data tersebut dimasukkan bersama dalam kumpulan bukan-bumiputera. Ini telah menyebabkan penyelidikan terpaksa dilakukan jika ada data-data yang mempunyai pecahan berasingan bagi kaum India.

Penyelidik juga tidak mendapat kerjasama yang sewajarnya daripada organisasi-organisasi tertentu semasa temuduga hendak diadakan. Untuk mendapatkan temujanji dengan individu-individu tertentu adalah sangat sukar. Walau bagaimanapun, penyelidik telah berjaya menyempurnakan sebahagian daripada temuduga-temuduga yang difikirkan penting.

Selain daripada itu, kajian luar tidak dijalankan kerana kesempitan masa dan kewangan. Untuk menjalankan tinjauan di estet-estet banyak masa dan wang diperlukan. Adalah diharapkan di masa hadapan kajian terperinci dapat dijalankan di kawasan-kawasan luar bandar bagi mendapatkan gambaran sebenar keadaan di sana.

Rujukan penyelidik-penyalidik terhadap masyarakat India kebanyakannya telah dijalankan sebelum DEB diperkenalkan. Tidak ada banyak penulisan yang baru dijalankan terutamanya untuk melihat kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India.

1.8. Ringkasan Bab

Matlamat utama kajian untuk mengkaji sebab-sebab penyertaan ekuiti masyarakat India Malaysia masih kekal pada tahap satu peratus. Untuk mendapatkan

maklumat tersebut, kajian yang akan dilakukan berasaskan kepada pembahagian bab-bab berikut yang diterangkan secara ringkas.

Bab Dua akan mengkaji latarbelakang kedatangan masyarakat India Ke Tanah Melayu. Kajian akan dibuat dengan melihat sejarah kedatangan masyarakat India ke Malaysia. Untuk memudahkan kajian, pembahagian telah dibuat berdasarkan kepada tempoh masa tertentu. Bermula dari penemuan getah di mana pihak penjajah British membawa secara beramai-ramai masyarakat India ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang-ladang getah. Kajian juga akan melihat kegiatan sosio-ekonomi mereka daripada buruh ladang getah kepada usahawan.

Bab Tiga akan melihat kepada kesan Dasar Ekonomi Baru (DEB) terhadap masyarakat India. Analisa akan dilakukan untuk melihat perlaksanaan DEB terutamanya dari segi sosio-ekonomi masyarakat India semasa DEB mula dilaksanakan sehingga tamat tempoh perlaksanaan DEB. Penyelidikan akan dibuat dari segi kemiskinan, pendidikan, gunatenaga dan pekerjaan dan penglibatan dalam sektor koperat atau perniagaan.

Bab Empat akan menganalisa penyertaan masyarakat India dalam pemilikan ekuiti. Bab ini adalah lanjutan daripada Bab Tiga dan kajian akan dibuat untuk melihat dengan melihat kesan DEB ke atas pemilikan ekuiti masyarakat India. Penyelidikan akan dibuat untuk mendapatkan maklumat mengapa masyarakat India tidak dapat meningkatkan pemilikan ekuiti mereka sebagai satu kes kajian.

Kes kajian dalam bab ini akan ditumpukan terhadap peranan institusi-institusi dan agensi-agensi kaum India dalam sektor koperat yang terlibat dalam meningkatkan pemilikan ekuiti. Di antara agensi yang terlibat secara langsung adalah seperti Maika Holdings Bhd, National Land & Finance Co-operative Limited dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, kajian juga akan dibuat untuk melihat peranan politik bagi

membantu kaum India dengan tumpuan khusus terhadap Kongres India Malaysia (MIC).

Bab Lima akan melihat sebab-sebab masyarakat India ketinggalan dari segi sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan Melayu selepas tamatnya Dasar Ekonomi Baru. Pandangan-pandangan daripada beberapa penganalisa yang telah membuat penyelidikan terhadap masyarakat India akan dilihat.

Bab Enam akan membuat rumusan terhadap kajian-kajian yang dibuat pada bab-bab yang lepas, memberikan cadangan dan seterusnya melihat masa depan masyarakat India Malaysia.